

28/05/2004

Presiden, timbalan tidak dicabar elak sejarah hitam Umno

By Kadir Dikoh

MESYUARAT Majlis Tertinggi (MT) Umno malam Isnin lalu mengambil masa lebih sejam berbincang untuk membuat ketetapan supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dicabar pada pemilihan pada Perhimpunan Agung September ini.

Sumber berkata, pelbagai idea dan saranan dilontarkan tetapi semua bersetuju Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang kini memangku jawatan Presiden dan Datuk Seri Najib Razak, Naib Presiden yang menjalankan tugas Timbalan Presiden, menduduki dua jawatan tertinggi itu tanpa perlu ditandingi sesiapa.

Mesyuarat kira-kira tiga jam itu berakhir menjelang tengah malam tetapi orang politik seperti biasa, semakin malam semakin hangat berbicara. Malah, kalau dalam perjalanan jauh, mereka memang suka bercakap termasuk dalam kereta sama ada dengan kawan atau melalui telefon bimbit.

Tetapi lain pula dengan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, yang lebih suka menyanyi lagu lama Tamil ketika berada dalam kereta. Kalau dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Sungai Siput di Perak, kata orang yang rapat dengannya, Samy Vellu akan menyanyi entah berapa buah lagu Tamil sepanjang perjalanan lebih dua jam itu dan kadangkala mengajak orang yang berada dalam keretanya menyanyi bersama.

Berbalik kepada mesyuarat MT, kebanyakan ahli dikatakan memberi sebab mengapa dua jawatan itu tidak perlu ditandingi. Seseengahnya berpendapat tidak perlu perkara itu dibincangkan dengan lebih lanjut kerana memadai mengeluarkan satu kenyataan berikutan semua ahli MT sebulat suara bersetuju.

"Ini kerana tiada langsung desas-desus mengatakan Pak Lah atau Najib akan dicabar. Jadi eloklah ketetapan itu dibuat," kata sumber itu. Tetapi Pak Lah dan Najib dikatakan tidak terbabit dalam perbincangan itu dan mereka berdua cuma mendengar pandangan dilontarkan.

Memang sejarah lalu membuktikan bahawa sebarang pertandingan untuk jawatan tertinggi dalam Umno akan membawa kepada perpecahan. Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman dicabar oleh C M Yusof; Perdana Menteri ketiga, Tun Hussein Onn dicabar oleh Suleiman Palestin dan Perdana Menteri keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad dicabar oleh Tengku Razaleigh Hamzah - semuanya untuk jawatan Presiden Umno, maka berlaku perpecahan.

Hanya Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein tidak dicabar bagi jawatan Presiden parti. Namun, perpecahan paling teruk berlaku pada 1987 apabila Dr Mahathir dicabar hebat oleh Tengku Razaleigh sehingga menyaksikan Umno diharamkan.

Pada dua dekad lalu juga, cabaran untuk jawatan Timbalan Presiden Umno menyebabkan perpecahan. Pertembungan di antara Tan Sri Musa Hitam dengan Tengku Razaleigh bagi jawatan nombor dua dalam parti berlaku sebanyak dua kali pada 1981 dan 1984.

Tun Ghafar Baba berhadapan dengan Musa pada 1987 dan Datuk Seri Anwar Ibrahim pula menentang Ghafar pada 1996. Kerana tekanan hebat, Ghafar terpaksa menarik diri bagi memberi laluan kepada Anwar. Jawatan Presiden Umno tidak lagi dicabar selepas 1987 dan begitu juga jawatan Timbalan Presiden selepas 1996.

Berdasarkan sejarah ini, Umno mengambil keputusan bijak untuk mengelak pertandingan berlaku bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden kali ini.

Seperti biasa, cakap-cakap sudah kedengaran kononnya keputusan MT itu dibuat kerana sudah ada bahagian tertentu mahu mencalonkan Tengku

Razaleigh bagi jawatan tertinggi sekali lagi dan kali ini dengan alasan ada jawatan 'kosong'.

Tidak diketahui sejauh mana kebenaran cerita itu tetapi yang pasti Ahli Parlimen Gua Musang itu turut hadir pada mesyuarat MT malam Isnin lalu meskipun dikatakan cuma berdiam diri ketika perbincangan untuk membuat ketetapan supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden itu tidak dicabar.

Tetapi laporan akhbar semalam yang memetik Tengku Razaleigh sebagai berkata bahawa keputusan MT supaya dua jawatan tertinggi tidak dipertandingkan tidak menghilangkan hak cawangan dan bahagian untuk membuat pencalonan sendiri, membawa seribu makna.

Kata beliau, Umno pada peringkat bahagian masih berhak mencalonkan sesiapa yang difikir layak menduduki kedua-dua kerusi itu kerana ia dibenarkan perlembagaan parti.

"Setakat ini, belum ada mana-mana pihak mengadakan mesyuarat, baik pada peringkat cawangan atau bahagian tetapi MT sudah menyatakan ketetapannya. MT memang berkuasa dan berhak membuat keputusan tetapi hak akar umbi di peringkat cawangan dan bahagian tetap terjamin.

"Bagi saya, Umno peringkat bahagian kena bertindak mengikut semangat perlembagaan parti kerana MT tidak berhak membuat pencalonan. Yang berhak ialah bahagian," katanya menurut laporan itu.

Apabila wartawan yang menemuramahnya bertanya sama ada beliau bersedia untuk bertanding mana-mana jawatan menjelang pemilihan parti, Tengku Razaleigh berkata: "Kalau parti sanggup calonkan saya, saya akan timbangkan. Terpulanglah kepada peringkat akar umbi untuk menentukan jawatan mana yang sesuai."

Bagaimanapun, Ahli Parlimen Johor Bahru, Datuk Shahrir Samad berkata sebenarnya keputusan itu bukan satu arahan atau paksaan.

"Ia pendapat ahli MT untuk kebaikan parti berdasarkan senario politik sekarang. Jauh kemungkinan pun jawatan itu akan dicabar.

"Ketetapan itu juga dibuat bukan sebagai tindak balas kepada sesuatu reaksi," katanya sebagai mengulas kemungkinan Tengku Razaleigh bertanding.

Ketua Penerangan Pemuda Umno, Datuk Azimi Daim, pula berkata keputusan itu adalah selaras dengan mandat besar yang diberikan kepada Umno pada pilihan raya umum lalu.

"Lazimnya perpecahan berlaku jika jawatan tertinggi dalam parti ditandingi. Kita tidak harus membuat tanggapan bahawa tidak wujud demokrasi dalam Umno. Ini satu persetujuan, bukan peraturan," katanya.

Bagaimana pula dengan jawatan Naib Presiden? Jika mengikut Setiausaha Agung Tan Sri Khalil Yaakob baru-baru ini, sudah ada bahagian yang mencadangkan supaya jawatan Naib Presiden tidak dipertandingkan.

Ini akan dibuat berdasarkan formula 2 + 1 iaitu dua penyandang sekarang - Tan Sri Muhammad Mhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin dicalonkan dan satu lagi untuk calon MT yang mendapat undi tertinggi pada pemilihan lalu - Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Ketua Menteri Melaka. Sumber lain pula memberitahu, mesyuarat MT Umno yang sama turut menyentuh isu itu dan seorang ahli MT berpendapat biarlah jawatan di peringkat Naib Presiden dipertandingkan.

Katanya, ahli MT setakat ini tidak sepakat dengan formula 2 + 1 itu. Seorang ahli MT ketika mengulas isu Naib Presiden dikatakan memberitahu mesyuarat itu dengan kata-kata 'kalau nak lawan, lawanlah tak perlu dibuat ketetapan'.

Berdasarkan perkembangan itu, besar kemungkinan perebutan untuk tiga jawatan Naib Presiden menjadi sengit.

Datuk Hishammuddin Hussein, bintang yang sedang menyinar, dikatakan masih menunggu 'petunjuk' dari Putrajaya, sama ada bertanding jawatan Naib Presiden atau kekal mempertahankan jawatan Ketua Pemuda.

Shahrir berkata, masa akan berubah dan terpulang kepada bahagian untuk

membuat ketetapan.

"Walaupun ada pertandingan, saya rasa dua penyandang yang kemungkinan besar akan menang. Jadi pertandingan cuma untuk satu jawatan yang kosong," katanya.

Pak Lah, ketika ditanya wartawan mengenai isu Naib Presiden baru-baru ini berkata, terserah kepada ahli akar umbi sama ada mereka mahukan kesemua tiga jawatan Naib Presiden itu tidak ditandingi pada pemilihan September ini.

Perdana Menteri berkata, pucuk pimpinan tertinggi akan akur jika itulah dikehendaki Umno peringkat bahagian kerana `suara akar umbi' itu juga boleh diterjemahkan kepada amalan demokrasi dalam parti.

"Apa yang kita laksanakan dalam Umno sebenarnya mengikut kehendak ahli parti. Kalau ahli parti berkehendakkan begitu, maka kita laksanakan. Itupun demokrasi juga. Kalau mereka mahu cara lain, yang menepati sistem demokrasi dan kehendak perlembagaan, itupun kita laksanakan. Kita bergantung kepada pandangan ahli parti sendiri. Itulah yang kita pegang daripada dulu hingga sekarang," katanya.

(END)